



Sebahagian jalan kampung yang turut **terhakis** akibat banjir lumpur di Kampung Kaung Ulu, Kota Belud.



Sebahagian **ikan yang mati** di tebing Sungai Kadamaian di Kampung Kaung Ulu.

[FOTO EDMUND SAMUNTING /BH]

**KRONOLOGI GEMPA BUMI DI RANAU**

BH  
18/6/2015  
mls 15

- 5 JUN**  
**7.15 PAGI:** Gempa bumi sederhana, magnitud 5.9  
**9.51 PAGI:** Gempa bumi lemah, magnitud 3.9  
**12.05 TENGAH HARI:** Gempa bumi lemah, magnitud 4.0

---

- 6 JUN**  
**1.45 TENGAH HARI:** Gempa bumi lemah, magnitud 4.5

---

- 7 JUN**  
**1.32 TENGAH HARI:** Gempa bumi lemah, magnitud 3.7

---

- 9 JUN**  
**1.40 TENGAH HARI:** Gempa bumi lemah, magnitud 3.2

---

- 10 JUN**  
**6.05 PETANG:** Gempa bumi lemah, magnitud 3.2

---

- 11 JUN**  
**6.49 PETANG:** Gempa bumi lemah, magnitud 3.7

---

- 12 JUN**  
**6.08 PETANG:** Gempa bumi lemah, magnitud 3.3

“**Kami dimaklumkan keadaan tanah semakin lembut akibat banjir lumpur berkenaan dan berisiko besar untuk runtuh”**

*Jahili @ Haili Salim, Mangsa banjir*

“**Proses membersihkan longgokan kayu tertakluk kepada cuaca dan struktur muka bumi lokasi. Kita berusaha melakukannya**

membantu dalam operasi mencari dan menyelamatkan mangsa gempa bumi pada 5 Jun lalu, kini hampir terjatuh dan mungkin menerima nasib seperti rumah saya jika banjir lumpur berterusan.

“Kami dimaklumkan keadaan tanah semakin lembut akibat banjir lumpur berkenaan dan berisiko besar untuk runtuh,” katanya sambil menambah, sebelum banjir lumpur, jarak antara rumahnya dengan Sungai Mesilau adalah antara 70 hingga 80 meter.

Sementara itu, Timbalan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan, berkata kerajaan negeri bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi mengurangkan longgokan kayu yang memenuhi Sungai Liwagu di

Ranau, namun proses itu dijangka mengambil masa beberapa bulan untuk diselesaikan.

#### **Langkah segera diambil**

“Proses itu tertakluk kepada cuaca dan struktur muka bumi lokasi. Kita berusaha melakukannya secepat mungkin kerana kayu itu mengganggu aktiviti penyaluran air bersih ke premis perniagaan, kediaman penduduk dan bangunan kerajaan,” katanya.

Bercakap pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat bencana alam, di sini semalam, beliau yang juga Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah, berkata balak lama yang hanyut ke Sungai Liwagu itu ber-

bahaya kepada lebih 3,000 penduduk lima kampung di hilir sungai berkenaan.

Mengenai kesan banjir lumpur terhadap kemudahan awam di Kampung Mesilau, Pairin berkata, selain dua jambatan, jalan utama juga rosak, namun langkah segera sudah diambil, antaranya membuka jalan alternatif ke Pusat Latihan Dakwah Kundasang.

“Kita akan baiki satu jambatan dulu yang dijangka mengambil masa empat bulan untuk siap. Selain itu, dua loji air di Kampung Bambang dan Kampung Limpasu di Ranau turut terjejas teruk yang mengakibatkan kira-kira 20,000 penduduk sekitar daerah itu dan Kundasang terputus bekalan air bersih,” katanya.

#### **13 JUN**

**2.29 PAGI:** Gempa bumi sederhana, magnitud 5.1

#### **15 JUN**

**5.24 PETANG:** Gempa bumi lemah, magnitud 3.2

#### **17 JUN**

**11.51 PAGI:** Gempa bumi lemah, magnitud 2.5

#### **secepat mungkin**


*kerana kayu itu mengganggu aktiviti penyaluran air bersih ke premis perniagaan, kediaman penduduk dan bangunan kerajaan”*

**Joseph Pairin Kitingan,**  
Timbalan Ketua Menteri Sabah


## **900 PENDUDUK**

Sungai Mesilau, Kundasang, dipindahkan ke 3 pusat pemindahan sejak Isnin lalu





Kedudukan **Sungai Mesilau** menuju ke Mesilau Resort selepas kejadian banjir lumpur.



**SUSULAN BANJIR LUMPUR DI KOTA BELUD, KUNDASANG**



BH  
18/6/2015  
MIS 14

# AMUKAN BANJIR LUMPUR

» Ikan dilindungi di sepanjang Sungai Kadamaian mati, banyak kemudahan turut musnah

Oleh Suzianah Jiffar, Mohd Nazlie Zainul dan Lano Lan  
bhnews@bh.com.my

## Kota Belud

**B**anjir lumpur yang melanda beberapa kampung di daerah ini menyebabkan ikan di sepanjang Sungai Kadamaian, turut mati.

Tinjauan *BH* di Kampung Kaung Ulu, mendapati penduduk berusaha menyelamatkan ikan di kawasan tagal yang masih hidup di sungai berkenaan. Sistem tagal diperkenalkan di negeri ini bagi memastikan aktiviti di sungai dikawal, sekali gus memberi peluang kepada hidupan sungai membiak dan membesar.

Melalui sistem yang turut dikenali sebagai 'bombon' itu, sesiapa saja tidak dibenarkan menangkap ikan selama setahun atau bagi satu jangka masa di kawasan sungai yang ditetapkan oleh ketua kampung atau Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

### Prasarana rosak teruk

Sistem itu membahagikan sesebuah sungai kepada beberapa bahagian dengan ikan di bahagian tertentu saja dibenarkan ditangkap.

Banjir lumpur juga menyebabkan kemudahan di kampung terbabit rosak dengan jambatan gantung disahkan tidak lagi stabil dan tidak selamat digunakan, manakala jambatan untuk kenderaan turut ditenggelami air.

Ketua Kampung Kaung Ulu, Benard Ropotoh, berkata kawasan itu pernah mengalami banjir besar sebelum ini, tetapi banjir sejak Isnin lalu memang luar biasa kerana membawa bersama lumpur, berbuih dan berbau seperti akar kayu.

"Kami cuba menyelamatkan ikan di kawasan sungai yang ditagal dengan memindahkannya ke sungai yang tidak terjejas. Kami khawatir jika banjir lumpur berpanjangan, ikan di sepanjang Sungai Kadamaian akan mati," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Kaung Ulu, Geofery Magaran (**gambar**),



berkata penduduk diberi peringatan agar sentiasa berjaga-jaga kerana banjir lumpur yang memusnahkan banyak kemudahan awam itu amat berbahaya.

### Penduduk dipindahkan berperingkat

Di **Ranau**, Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah, Affendy K Ramin, berkata lebih 900 penduduk daripada 189 keluarga dari Sungai Mesilau di Kundasang, sudah dipindahkan secara berperingkat ke tiga pusat pemindahan sejak Isnin lalu hingga petang semalam.

Seramai 522 penduduk daripada 101 keluarga dipindahkan ke Dewan Masyarakat Ranau, 228 mangsa daripada 47 keluarga ke Dewan Mini Kundasang dan 163 penduduk daripada 41 keluarga lagi ke Dewan Sementara Marakau, Ranau.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan



# Rumah ranap dalam sungai

**Kota Kinabalu:** Harapan seorang penduduk Kampung Mesilau, Kundasang, kira-kira 95 kilometer (km) dari sini, untuk menyambut Ramadan dan Aidilfitri di kediaman baharu, tidak kesampaian apabila rumah yang hampir siap dibina itu ranap ke dalam sungai.

Runtuhan tanah menyebabkan rumah tiga tingkat milik Jahili @ Haili Salim, 48, itu terjatuh kira-kira 10 meter ke Sungai Mesilau, malam kelmarin, susulan banjir lumpur sejak Isnin lalu. Guru berkenaan hanya tahu kejadian terbabit selepas dimaklumkan oleh bomba kira-kira jam 9 pagi semalam.

dayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Masidi Manjun yang meminta penduduk di Ranau dan Kundasang bersabar, berharap insiden tanah runtuh, banjir lumpur dan hujan berakhir segera, sekali gus membolehkan penduduk, terutama yang dipindahkan ke pusat pemindahan dapat kembali ke rumah.

Ketika dihubungi *BH*, Jahili yang menetap sementara bersama keluarga di rumah mentuanya di Kampung Cintamata, Kundasang, berkata beliau segera pulang ke kampung dan mendapati keseluruhan rumah yang sudah 95 peratus siap dibina dengan kos kira-kira RM300,000 itu terjatuh ke dalam sungai.

"Kira-kira jam 5.30 petang semalam (kelmarin), tebing berhampiran memang sudah terhakis akibat banjir lumpur, namun saya tidak menyangka bencana itu melenyapkan rumah baharu kami dalam sekelip mata. Kami sudah

memindahkan beberapa kelengkapan ke rumah baharu itu, termasuk sofa dan almari," katanya.

### Risiko besar banjir

Bapa enam anak ini yang bertugas di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Timbua, Ranau dan hanya pulang ke Kundasang pada hujung minggu kerana jarak tempat tugasannya yang jauh kira-kira 52 kilometer, khawatir dengan nasib lima lagi rumah berhampiran kediamannya jika berlaku runtuh tanah akibat banjir lumpur.

"Malah rumah seorang jiran saya, malim gunung yang turut

"Bekalan air juga terjejas disebabkan oleh banjir lumpur," katanya selepas melawat Dewan Mini Kundasang dan turut berte-rima kasih kepada rakyat Sabah yang tidak putus-putus menghulurkan bantuan, termasuk bekalan air mineral dan makanan, manakala tentera pula menghantar tangki air.

**3,000**  
**PENDUDUK**

lima kampung di hilir Sungai Liwagu, Ranau, terjejas dengan balak hanyut